

DATE : 26 JULY 2017
PUBLICATION : BERITA HARIAN
SECTION : BISNES
HEADLINE : SERBA DINAMIK PEROLEH PROJEK BAHARU, LANJUTAN
LEBIH RM500J
CATEGORY : COMPANY
MEASUREMENT : 72CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL

Serba Dinamik peroleh projek baharu, lanjutan lebih RM500j

Serba Dinamik Holdings Bhd (Serba Dinamik), penyedia perkhidmatan kejuruteraan bersepadu global, memperoleh enam kontrak kerja bernilai RM522.92 juta.

Enam kontrak berkenaan diperoleh menerusi kedua-dua anak syarikat milik penuhnya, Serba Dinamik International Limited (SDIL) dan Serba Dinamik Sdn Bhd (SDSB).

SDIL memperoleh dua projek daripada Agility Energy FZE dengan nilai anggaran kedua-duanya sebanyak RM420.42 juta.

SDSB pula memperoleh satu projek baharu daripada Malaysia LNG Sdn Bhd dan tiga projek lanjutan daripada PRPC Utilities and Facilities Sdn Bhd, Petronas Gas Bhd dan Murphy Sarawak Oil Co membabitkan anggaran nilai keseluruhan sebanyak RM102.50 juta.

Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pengarah Eksekutif Kumpulan Serba Dinamik, Datuk Dr Ir Mohd Abdul Karim Abdullah berkata, pihaknya amat menghargai keyakinan berterusan

yang diterima daripada pelanggan sedia ada.

Kukuh prestasi kewangan

Katanya, dengan beberapa projek baharu yang diperoleh, ia akan membolehkan kumpulan mempunyai projek sehingga 2020 dan akan mengukuhkan prestasi kewangannya.

"Kami jangka kontrak berkenaan akan menyumbang secara positif kepada perolehan kumpulan, di samping mengukuhkan

pendapatan bagi tahun kewangan 2017," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau menambah, sepanjang pembabitan kumpulan dalam operasi, pihaknya menerima banyak kontrak kerja daripada Malaysia dan negara luar seperti Indonesia dan rantau Asia Barat.

"Kontrak yang diterima dari Agility Energy mampu mengembangkan pembabitan kumpulan di peringkat dunia dan mempelbagai-kan pasaran," katanya lagi.

RALAT



Merujuk artikel bertajuk 'Pertumbuhan ekonomi lebih pantas' di muka surat B5 semalam, penulis ialah Felo Penyelidik Kanan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Zulkiply Omar dan bukan seperti disiarkan.